

Program Sehari Bersama OKU anjuran PERSIS suntik kesedaran



Kuantan, 8 Apr- Program Sehari Bersama OKU anjuran Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PERSIS) UMP dengan kerjasama Persatuan Pemulihan Orang Cacat (PPOC) di Sungai Lembing, Pahang berjaya menyuntik kesedaran dalam kalangan peserta program.

Pengalaman seramai 13 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama dengan lapan orang insan istimewa dari PPOC ini berjaya memupuk sifat insani, bertimbang rasa dan proaktif dalam berdepan dengan golongan kurang upaya.



Ketua program, Nur Farina Hamidon Majid, 21, dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) berkata, program ini dapat memberi pendedahan kepada mahasiswa realiti sebenar kehidupan golongan kurang upaya ini.

"Berdepan dengan mereka memberikan satu suasana yang berbeza apatah lagi melihat sendiri keupayaan golongan ini mengurus diri dan bagaimana kesabaran petugas yang menjalankan tugas mereka membantu golongan ini. Malahan kita yang cukup sifat ini seharusnya mendekati mereka dan bukan menyisihkan mereka " katanya.



Program sehari ini diselitkan dengan slot "Ayuh Bermain" yang berbentuk sukaneka. Slot ini memberi cabaran bersama peserta dan cuba untuk menyelesaikan cabaran yang diberikan. Kemampuan golongan ini terbukti apabila mereka mampu melakukan aktiviti fizikal.

Peserta program, Rabiatul Aisyah Ariffin 20, dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal berpendapat dengan mendekati golongan kurang upaya ini dapat menginsafkan diri kerana tidak semua manusia diciptakan sempurna. Beliau juga melahirkan rasa bersyukur atas nikmat yang diberikan dan berpeluang menceriaikan mereka dalam program seperti ini.



Disediakan Nor Fadzillah Zulkipli dari Bahagian Komunikasi Korporat,Foto dari Kelab PERSIS UMP.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 20-04-2016, 10:15:20